



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

# E-BULETIN JTKSM

JANUARI – JUN 2026



[www.jtksm.gov.my](http://www.jtksm.gov.my)



Jabatan Tenaga Kerja  
Semenanjung Malaysia Rasmi



[jtksm\\_hq](#)



JTKSM Official



JTKSM HQ

## LAWATAN KERJA YB MENTERI DAN YB TIMBALAN MENTERI KESUMA KE JTKSM PERKUKUH SISTEM PERBURUHAN NEGARA

Putrajaya | 7 Januari 2026 - Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) meneruskan komitmen memperkasa sistem perburuhan negara menerusi Lawatan Kerja Rasmi YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Menteri Sumber Manusia, bersama YB Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Sumber Manusia ke Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) hari ini.

Lawatan ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif strategik berimpak tinggi selari aspirasi Kerajaan MADANI, khususnya teras Tadbir Urus Baik, Kesejahteraan, Inovasi dan Keberdayaan.

Antara fokus utama ialah pelaksanaan Mobile Labour Court bagi memperluas akses keadilan perburuhan kepada pekerja dan majikan, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman, sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

JTKSM turut melaksanakan Sistem Perekodan Digital (SPD) di Mahkamah Buruh yang dijangka beroperasi di enam lokasi strategik pada 2026 bagi mempercepat prosiding serta meningkatkan ketelusan dan pengurusan kes.

Seiring agenda pendigitalan, Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) akan dibangunkan menggunakan teknologi AI, analisis data dan automasi bagi memperkukuh operasi jabatan serta menyokong kemudahan menjalankan perniagaan.

JTKSM juga mempergiat Program Pendidikan Perburuhan bagi meningkatkan kefahaman hak dan tanggungjawab pihak berkepentingan serta memperkukuh keharmonian hubungan perusahaan.



## JTK NEGERI SELANGOR: PROGRAM PENDIDIKAN PERBURUHAN 2026 - PENCEGAHAN JENAYAH DALAM INDUSTRI

Bangi | 24 Januari 2026 - Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor telah turut serta menjayakan Program Pendidikan Perburuhan yang bertemakan “Pencegahan Jenayah Dalam Industri” telah berlangsung di Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH), Bangi, Selangor.

Program ini telah disertai oleh seramai 83 orang peserta yang terdiri daripada wakil Institut Pengajian Tinggi (IPT), sektor industri serta agensi berkaitan.

Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta mengenai kepentingan pematuhan terhadap undang-undang perburuhan, khususnya melibatkan peruntukan di bawah:

- Akta Kerja 1955 (Akta 265);
- Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446); dan
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

Sepanjang pelaksanaan program ini, JTK Negeri Selangor telah terlibat secara aktif melalui penyampaian taklimat perundangan, penglibatan sebagai ahli panel forum bual bicara bertajuk “Keselamatan dan Kesejahteraan di Tempat Kerja” serta pembukaan reruai pameran khidmat nasihat perburuhan bagi memberikan penerangan secara langsung kepada para peserta.

Program ini turut mendapat sokongan dan penglibatan daripada pelbagai agensi, antaranya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif dalam meningkatkan tahap kesedaran berkaitan kebajikan dan keselamatan pekerja serta memperkukuhkan komitmen majikan dan pekerja terhadap pematuhan undang-undang perburuhan.



# OPERASI BERSEPADU (OP VENDOR 2.0) PERKASA UNDANG-UNDANG PERBURUHAN



Shah Alam | 7 Februari 2026 - Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor telah melaksanakan Operasi Bersepadu (Op Vendor 2.0) pada 5 Februari 2026 di sebuah gudang syarikat perkhidmatan kurier di Shah Alam, Selangor.

Operasi bersepadu ini dilaksanakan bersama agensi sahabat:

- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)



Hasil pemeriksaan mendapati:

- Kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 termasuk tiada kontrak perkhidmatan, bayaran gaji secara tunai dan isu bayaran cuti umum.
- Kesalahan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta melibatkan ketiadaan lesen.
- Dua individu ditahan oleh JPN atas kesalahan memiliki kad pengenalan palsu.
- Semakan KWSP ke atas vendor mendapati isu pendaftaran, caruman dan pematuhan caruman elaun serta bayaran tertentu.

Tindakan susulan:

- Notis dikeluarkan kepada majikan terlibat.
- Wakil majikan dipanggil ke pejabat untuk rakaman percakapan.
- Semakan lanjut dan lawatan susulan akan diteruskan.

JTKSM akan terus komited memastikan pematuhan undang-undang buruh demi kebajikan dan hak pekerja.



# SESI LIBAT URUS PELAKSANAAN AKTA PEKERJA GIG 2025 (AKTA 872) PERINGKAT IBU PEJABAT JTKSM

Putrajaya | 10 Februari 2026 - Satu sesi libat urus Peringkat Ibu Pejabat JTKSM berhubung pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] telah diadakan bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai JTKSM berkaitan peruntukan serta penguatkuasaan akta baharu yang dijangka dikuatkuasakan pada bulan Mac 2026.



Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Skim S (Perhubungan Perusahaan) Gred 1 hingga Gred 14 telah menghadiri sesi ini.

Pengisi program merangkumi pembentangan, perbincangan serta sesi soal jawab yang memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan pemahaman dan pelaksanaan Akta 872.

Taklimat sesi ini telah disampaikan oleh Encik Ahamad Kamal bin Mohd Nor, Pengarah, Bahagian Perundangan dan Pelesenan (BPL), JTKSM.

Melalui sesi, peserta memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing, dalam menguatkuasakan Akta Pekerja Gig 2025 di seluruh negara.

JTKSM komited untuk memperkasakan undang-undang perburuhan demi keharmonian majikan dan pekerja.



# MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN, TAKBIR RAYA & MAJLIS IFTAR



Putrajaya | 13 Mac 2026 - Kelab Kasih & JTKSM telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an, Rakaman Takbir Raya dan Majlis Iftar dalam suasana penuh keberkatan dan ukhuwah.

Program ini menjadi ruang untuk warga JTKSM bersama-sama menghayati kemuliaan Ramadan serta mengeratkan silaturahim.

Pelbagai pengisian bermanfaat seperti:

Majlis Khatam Al-Qur'an

- Rakaman Takbir Raya
- Majlis Iftar
- Solat Maghrib Berjemaah
- Sesi Bermaafan & Bergambar

Semoga program ini memberi keberkatan kepada semua serta memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam menghayati Ramadan.





# KAMPUNG ANGKAT MADANI 2026: LAWATAN TAPAK DI JOHOR

Simpang Renggam | 26 Mac 2026 - Satu lawatan tapak telah diadakan bagi pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI (KAM), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bertempat di Kampung Haji Noor, Simpang Renggam, Johor.


Lawatan ini telah diketuai oleh Tuan Haji Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah bersama penghulu, ketua kampung bersama pegawai-pegawai JTKSM serta wakil penduduk.

Pemilihan Kampung Haji Noor, Simpang Renggam, Johor telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sebagai Kampung Angkat MADANI JTKSM bagi tahun 2026.

Lawatan tapak ini bertujuan bagi meninjau lokasi serta mendapatkan gambaran awal bagi merancang skop projek yang bersesuaian dengan keperluan komuniti setempat.

Cadangan skop projek yang dibincangkan adalah pembangunan kemudahan rekreasi komuniti seperti taman rekreasi mini dan taman permainan kanak-kanak, menaiktaraf surau dan Pusat Aktiviti Warga Emas bagi kegunaan aktiviti masyarakat serta program latihan kemahiran kepada penduduk kampung dengan kerjasama institusi latihan kemahiran berhampiran.

Diharapkan pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI ini dapat memberi impak positif kepada pembangunan komuniti Kampung Haji Noor serta meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk setempat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



## SAM JTKSM 2026: TAHNIAH SMK LAYANG-LAYANG, KLUANG, JOHOR TERPILIH!

Layang-Layang | 21 April 2026 - Sekolah Menengah Kebangsaan Layang-Layang, Kluang, Johor telah terpilih sebagai Sekolah Angkat MADANI (SAM) JTKSM 2026 dan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Program SAM merupakan inisiatif nasional yang menghubungkan agensi Kerajaan dan sektor swasta dengan hampir 1,500 sekolah bagi memperkasa infrastruktur, kurikulum dan sahsiah murid melalui kerjasama strategik yang berfokus kepada pembangunan pendidikan secara holistik.

Satu Mesyuarat Penyelarasan Program SAM telah diadakan di sekolah tersebut bagi membincangkan cadangan skop pelaksanaan program tersebut.

Mesyuarat ini telah diketuai oleh Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Encik Mohamad Hakim bin Muslan, Pengetua SMK Layang-Layang, Encik Abdul Halim bin Abu Yaziz, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Kluang, Johor dan pegawai-pegawai yang berkaitan dalam menggalas tanggungjawab bagi merealisasikan aspirasi ini.

Mesyuarat ini diharap dapat memperkukuh sinergi antara agensi Kerajaan dan pihak sekolah selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam melahirkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkualiti serta membentuk murid yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia.



## APRIL 2026: OP JAGA KESAN PELBAGAI KESALAHAN

28 April 2026 - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bersama agensi-agensi penguatkuasaan bersepadu telah melaksanakan OP JAGA secara besar-besaran di seluruh negara bagi memastikan kebajikan pekerja dan pematuhan undang-undang perburuhan terus terpelihara.

Operasi kali ini memfokuskan kepada majikan di sektor kawalan keselamatan.

### STATISTIK OPERASI

Majikan Diperiksa: 49 buah syarikat.

Kekuatan Anggota: 196 orang Pegawai JTKSM bersama 171 pegawai dari pelbagai agensi sahabat (PERKESO, PDRM, JIM, PBT, KWSP & KDN).

Kertas Siasatan (KS) Dibuka: 30 Kertas Siasatan.

### PECAHAN LOKASI PEMERIKSAAN

Operasi merangkumi 13 wilayah/negeri dengan tumpuan utama di:

Terengganu (10), Johor (7), Perak (7), Pahang (4), Kelantan (4), dan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

### KESALAHAN UTAMA YANG DIKESAN

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat majikan yang masih gagal mematuhi peruntukan undang-undang berikut:

- AKTA KERJA 1955

Seksyen 18A: Kesalahan pengiraan upah bulan tidak lengkap.

Seksyen 60D(3)(a): Gagal bayar upah kerja pada Cuti Am.

Seksyen 60A(1)(c): Memaksa pekerja bekerja melebihi 12 jam sehari.

Seksyen 59: Gagal beri cuti rehat (1 hari seminggu).

- AKTA 446 (Penginapan Pekerja)

Gagal memohon Perakuan Penginapan bagi penginapan yang disediakan kepada pekerja.

- AKTA MPGN 2011 (Gaji Minimum)

Gagal membayar kadar Gaji Minimum yang ditetapkan.

### KESALAHAN AGENSI LAIN (KDN, KWSP & PERKESO)

- Tiada tapisan keselamatan pekerja & pengawal melebihi had umur.
- Gagal mencarum KWSP & gagal mendaftar perusahaan di bawah PERKESO.

Pihak JTKSM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana majikan yang menindas hak pekerja. Pastikan operasi perniagaan mematuhi standard perburuhan kebangsaan demi keharmonian industri.



# SEMINAR SINERGI NASIONAL: MENCEGAH DAN MEMBASMI PEMERDAGANGAN ORANG & EKSPLOITASI PEKERJA (ZON UTARA)



Sungai Petani | 18 Mei 2026 - Isu perdagangan orang dan eksploitasi pekerja merupakan satu cabaran global yang memerlukan tindakan kolektif dan kerjasama menyeluruh daripada semua pihak.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM. Lebih 300 orang peserta dari pelbagai sektor berhimpun bagi memperkukuh komitmen nasional menentang jenayah yang menjejaskan hak asasi, maruah pekerja dan daya saing negara melalui penganjuran program ini.

Program ini adalah manifestasi komitmen JTKSM bersama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (NSO MAPO) bersama-sama agensi Penguat Kuasa di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran [Akta670] seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta pelbagai pemegang taruh lain dalam membanteras isu pemerdagangan orang dan eksploitasi pekerja di Malaysia.



Penceramah jemputan khas yang telah dijemput adalah:-

- Encik Arzanil Bin Bahadon, Pengarah JTK Negeri Kedah
- Leftenan Maritim Azman bin Md Elah @ Mazalah, NSO MAPO, KDN
- PPI Muhammad Hafiz bin Rosli, Ketua Seksyen ATIPSOM, JIM
- ASP Azrul Azwan bin Abd Malek, Operasi ATIPSOM, JSJ Bukit Aman
- Dr. Aida binti Bakar, Ketua Penolong Pengarah, JTKSM

Program ini juga diserikan dengan reruai daripada JTKSM, NSO MAPO, PDRM & JIM yang mempamerkan pelbagai bahan informasi yang berguna buat semua berkaitan program ini.

Masyarakat perlu berani tampil menyalurkan maklumat sekiranya terdapat petunjuk eksploitasi pekerja di persekitaran masing-masing. Pihak majikan pula perlu memastikan kebajikan pekerja sentiasa dipelihara. Bagi pekerja pula, anda perlu mengetahui hak-hak di bawah undang-undang bagi mengelak dieksploitasi.

Pada masa yang sama, NGO, media, institusi pendidikan dan komuniti setempat harus turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran serta memperkukuh budaya menolak segala bentuk eksploitasi manusia.

# OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU ZON UTARA (OPS APS) 2026

Pulau Pinang | 19 Mei 2026 - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pulau Pinang bersama agensi sahabat seperti PERKESO & PDRM telah melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Zon Utara (OPS APS) 2026 hari ini.

Operasi ini telah diketuai oleh Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM bersama pegawai JTKSM dan agensi sahabat. Operasi ini telah dijalankan ke atas syarikat pembekalan tenaga kerja dan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) sekitar Pulau Pinang.



Hasil pemeriksaan dan siasatan mendapati terdapat syarikat yang dipercayai menjalankan aktiviti perekrutan dan penempatan pekerja tanpa lesen APS yang sah.

Selain itu, turut dikesan beberapa ketidakpatuhan berkaitan pengurusan daftar pekerja, penggunaan premis bersama syarikat lain serta pematuan syarat pelesenan premis.

Antara tindakan yang telah diambil:

- Pembukaan satu kertas siasatan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981
- Pengeluaran notis berkaitan tunggakan caruman SIP oleh PERKESO

JTKSM akan terus mempergiat aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan semua majikan dan agensi pekerjaan mematuhi peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa demi melindungi kebajikan serta hak pekerja.



# OPS PENGUATKUASAAN BERSEPADU ZON SELATAN: JTSKM GEMPUR LADANG KELAPA SAWIT



Mersing, 9 Jun 2026 – Memastikan kebajikan pekerja terbela dan undang-undang negara dipatuhi tanpa kompromi! Satu operasi bersepadu berskala besar telah dilaksanakan di sektor perladangan (tanaman kelapa sawit) melibatkan majikan Ladang di Mersing, Johor.

Operasi ini menggabungkan kekuatan seramai 59 orang pegawai penguat kuasa daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Mersing, PERKESO, dan PDRM.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa pelanggaran serius oleh pihak majikan:

## JTKSM - JTK Negeri Johor

- Kegagalan memberi notis/maklumat [Seksyen 63A, Akta Kerja 1955 (Akta 265)]
  - Isu pengiraan upah & kerja lebih masa (Seksyen 60i & Seksyen 60A(3a) Akta 265)
  - Pembayaran gaji tunai dan potongan zakat tanpa kebenaran (Seksyen 25A & Seksyen 24, Akta 265)
  - Menempatkan pekerja ladang di bangunan yang tidak mematuhi kehendak (Seksyen 5, Akta 446)
- Tindakan: Kertas siasatan telah dibuka dan saman hadir telah dikeluarkan untuk tindakan dan siasatan lanjut.

## PERKESO, Negeri Johor

- Isu caruman lewat bayar dan gagal mengemas kini pendaftaran pekerja semasa
  - Gagal melaporkan kemalangan melibatkan 2 orang pekerja pada tahun 2023
- Tindakan: Arahan Pematuhan telah diberikan dan kompaun akan dikeluarkan bagi kesalahan gagal melapor kemalangan.
- Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Mersing, Johor
- Penemuan pembiakan jentik-jentik di dalam tandas yang rosak
  - Tindakan: Tiga (3) Notis di bawah Seksyen 6(2) Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 telah dikeluarkan

Ketegasan dalam penguatkuasaan adalah kunci utama bagi memastikan hak pekerja dilindungi dan persekitaran tempat kerja sentiasa selamat serta kondusif.

Operasi seumpama ini akan terus dipergiat dari semasa ke semasa.





# KONVENSYEN PERBURUHAN 2026

Klang | 18 Jun 2026 - Seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) 2026-2030, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) terus komited dalam memacu reformasi pasaran buruh negara demi mewujudkan ekosistem pekerjaan yang dinamik, mampan, dan berdaya saing.

Bertempat di Wyndham Acmar Klang, Selangor, Konvensyen Perburuhan 2026 telah berjaya mengumpulkan para pemegang taruh penting negara di bawah satu bumbung.

Dengan tema 'Pemeriksaan Undang-undang Perburuhan: Mengimbangi Kebajikan Pekerja & Kepentingan Majikan', konvensyen strategik ini merupakan program usaha sama julung kali diadakan melibatkan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), Jabatan Hal Ehwal Sekerja (JHEKS), dan Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM).

## Fokus Utama Konvensyen:

- Menyampaikan maklumat berkaitan dasar & cadangan reformasi undang-undang perburuhan;
- Mendengar suara dan mendapatkan maklum balas pemegang taruh bagi penambahbaikan undang-undang perburuhan;
- Mencapai konsensus bersama demi keadilan sosial, memperkukuh kebajikan pekerja dan kepentingan majikan serta mempercepat reformasi perburuhan.

Langkah ini penting bagi memastikan undang-undang perburuhan kita kekal relevan, jelas, dan mampu melonjakkan kebajikan pekerja tanpa mengetepikan kepentingan majikan.

